

Semua Warga Kerja Bahagian Operasi PNSB Sahut Seruan Daftar Sebagai Pemilih Bernama
31 Mac, 2012

SHAH ALAM, 31 Mac (Bernama) -- Kesemua 640 pekerja bahagian operasi Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) telah menyahut seruan mendaftar sebagai pemilih bagi menunaikan tanggungjawab mereka pada pilihan raya di negara ini.

Pengarah Eksekutif Bahagian Operasi dan Penyelegaraan PNSB Rashid Abd Satar berkata jumlah itu termasuk 120 pekerja bahagian berkenaan yang baru mendaftar pada program yang diadakan di Wisma Rozali di sini hari ini.

"Dengan pendaftaran baru pada program hari ini, menjadikan 100 peratus pekerja bahagian operasi PNSB telah mendaftar sebagai pemilih.

"Ia merupakan satu tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dan menyahut saranan pihak pengurusan PNSB supaya warga PNSB mendaftar sebagai pemilih," katanya ketika ditemui pada Program Kempen Semakan dan Daftar Pemilih Warga PNSB, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Puncak Oil and Gas Sdn Bhd itu.

Dalam majlis berasingan, Persatuan Kakitangan Bekalan Air Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (Peka) hari ini melancarkan laman web terbarunya sempena mesyuarat agung tahunan persatuan itu.

Seramai 50 anak anggota Peka yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Penilaian Menengah Rendah dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah turut menerima hadiah penghargaan masing-masing pada majlis itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656102>